

U 8014 DEB
MAHATHIR - PEKERJA

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, PEKERJA-PEKERJA KOLAR BIRU NESTI DILAYAN SEKURANG-KURANGNYA SAMA DENGAN PEKERJA KOLAR PUTIH DARIPADA SEGI GAJI, PELUANG NAIK PANGKAT DAN KEISTIMEWAAN LAIN.

KATANYA, PENSHARGAAN PERLU DIBERIKAN KEPADA MEREKA KERANA PERANAN MEREKA DALAM MENGHASILKAN BARANGAN, MEMBINA ATAU MENCIPTA SESUATU SERTA MEMPERBAIKI ALATAN DENGAN CEKAP, TIDAK BOLEH DIANGGAP KURANG PENTING.

LAYANAN YANG SEKURANG-KURANGNYA SAMA DENGAN PEKERJA KOLAR PUTIH OLEH ITU PERLU DIBERIKAN JIKA MEREKA (PEKERJA KOLAR BIRU) MENGHASILKAN BARANGAN YANG BERMUTU DALAM PROSES PERINDUSTRIAN NEGARA, KATA BELIAU JUGA PRESIDEN UMNO KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN ASUNG UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, JIKA RAKYAT INSINKAN TARAF HIDUP YANG TINGGI SERTA PADA MASA YANG SAMA HENDAK MENSURANSKAN PENGANGGURAN, KENAIKAN GAJI HENDAKLAH JANGAN TERLALU HENDAK SEHINGGA MENAKUTKAN PELABUR.

PEKERJA JUGA JANGANLAH MUDAH MENSUGUT DAN MENSAMBIL TINDAKAN PERUSAHAAN TANPA MENSAMBIL KIRA KESAN JANGKA PANJANG KEPADA NEGARA DAN KEPADA YANG MENGANGGUR. -- LAGI.

1315HST 28 10 88

U 8020 DEB SIN
MAHATHIR - PEKERJA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, RAKYAT DAN NEGARA HARUS MEMBUKTIKAN BAHAWA PELABUR YANG MELABUR DI MALAYSIA AKAN MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN, YANG BOLEH MEMASTIKAN PERTAMBAHAN DALAM PELABURAN ASING SERTA PELUANG-PELUANG PEKERJAAN.

+PADA MASA ITU, KITA PERCAYA, GAJI YANG AKAN DITAWARKAN AKAN MENINGKAT DENGAN SENDIRINYA. INILAH YANG BERLAKU DI KOREA SELATAN, TAINAN, HONG KONG DAN SINGAPURA DAN TIDAK ADA SEBAB MENGAPA PERKARA YANG SAMA TIDAK BOLEH BERLAKU DI NEGARA INI,+ KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA PEKERJA HARUS SEDAR BAHAWA SUNGGUHPUN PENDAPATAN MEREKA RENDAH TETAPI KOS SARA HIDUP DI NEGARA INI JUGA RENDAH. BELIAU KEMUDIAN MEMBANDINGKAN HARGA RUMAH DI NEGARA INI DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG, KATANYA, HARGA SEBUAH RUMAH DI NEGARA INI MUNGKIN IALAH \$25,000 TETAPI SEPULUH KALI GANDA HARGANYA DI NEGARA-NEGARA MAJU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENDEDAHKAN GELAGAT KESATUAN-KESATUAN PEKERJA DI NEGARA-NEGARA MAJU YANG CUBA MENGHASUT PEKERJA-PEKERJA NEGARA INI SUPAYA MEMUNTUT KENAIKAN GAJI SUPAYA KOS PENGELUARAN NEGARA MENINGKAT DAN BARANGAN KELUARANNYA TIDAK LAGI DAPAT BERSAING DI PASARAN DUNIA.

MEREKA JUGA, KATANYA, MEMIMBULKAN SOAL HAK SASA MANUSIA DAN HAK PEKERJA SUPAYA SKIM KEUTAMAAN AN (GSP) YANG DINIKMATI OLEH NEGARA DITARIK BALIK. -- LAGI

1345HST 28 10 88

U 8021 088 SIM
MAHATHIR - PEKERJA 3 KUALA LUMPUR

+TINDAKAN MEREKA SEBENARNYA IALAH KERANA MEREKA LEBIH SUKA KITA MENSANGSUR DARIPADA KITA BERSAING DENGAN MEREKA. HAK ASASI MANUSIA DAN HAK PEKERJA ADALAH ALASAN SAHAJA. SEBENARNYA HAK PEKERJA TIDAK BERMAKNA JIKA KITA MENSANGSUR.+ KATANYA.

KATANYA, ADALAH MUSTAHIL PARA PEKERJA DI NEGARA MAJU LEBIH SAYANG DAN BERSIMPATI DENGAN PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA DARIPADA KERAJAAN MALAYSIA SENDIRI, Sambil BERTANYA) +ADAKAH DESAKAN AFL-CIO SUPAYA GSP KITA DIHENTIKAN SATU TANDA KESAYANGAN MEREKA KEPADA PEKERJA-PEKERJA KITA?

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH SOAL PENDIDIKAN DAN, KATANYA, DALAM SEBESUAH NEGARA YANG PESAT MEMBANGUN, BELAJAR KERANA SEMATA-MATA INGIN BELAJAR TIDAK HARUS MENDAPAT PENILAIAN YANG TINGGI JIKA DIBANDINGKAN DENGAN BELAJAR DENGAN TUJUAN MENGGUNAKAN ILMU PENGETAHUAN ITU BAGI KEMAJUAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

OLEH ITU, KATANYA, KERAJAAN TIDAK MAHU PARA PROFESIONAL YANG MENSEJAR IJAZAH SEUMUR HIDUP TANPA MENGGUNAKAN PENGETAHUANNYA DALAM KEHIDUPAN DIRI DAN MASYARAKAT.

+RINGKASNYA, PENDIDIKAN DIADAKAN DENGAN TUJUAN PENGGUNAAN ILMU SECARA PRAKTIKAL, SUPAYA PROSES PERINDUSTRIAN NEGARA DAPAT DIPERTINGKATKAN .

+DALAM USAHA INI IJAZAH TIDAK HARUS DIBERI PENILAIAN SECARA AUTOMATIS. YANG TIDAK BERIJAZAH TETAPI NYATA CEKAP DAN BERPENGALAMAN AKAN MENDAPAT PELUANG, KEMAIKAN PANGKAT DAN SAJI YANG SAMA DENGAN YANG BERIJAZAH,+ KATANYA. -- BERNAMA
1348MST 28 10 88